

27 DEC 1996

BN YAKIN KES MB SELANGOR TIDAK AKAN DAPAT DIEKSPLOITASIKAN

MACHANG, 27 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional berharap kes Menteri Besar Selangor yang ditahan di Australia baru-baru ini tidak akan dieksploitasi PAS dalam kempen menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Pulai Chondong 6 Jan ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak berkata, kes Tan Sri Muhammad Haji Muhammad itu merupakan soal peribadi yang tiada kena mengena dengan parti dan tidak perlu diambil kira dalam pilihan raya itu.

"Kita harap tidak ada pihak yang mengeksploitasi keadaan ini untuk kepentingan sendiri dalam suasana pilihan raya di Pulai Chondong ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada 65 pelajar cemerlang dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dari enam buah sekolah di kawasan itu.

Najib berkata bagi kes yang membabitkan soal peribadi, tindakan akan dikenakan mengikut saluran biasa berdasarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Muhammad ditahan kerana dikatakan gagal mengisytiharkan wang bernilai RM2.4 juta ketika hendak meninggalkan negara itu Ahad lepas.

Najib berharap Muhammad dapat memberi laporan segera seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi meredakan suasana.

--BERNAMA

BD NHD